

# Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



4M 9/9/2024 PG 2

## *Mikroplastik: Kita tidak cukup serius, tegas dan berani*

PADA Selasa dan Rabu lalu, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan khas tentang mikroplastik.

Laporan itu menghuraikan secara terperinci bagaimana mikroplastik terbentuk, bagaimana ia tersebar dan bagaimana ia mencuni manusia tanpa disedari.

Kajian Institut Penyelidikan Perikanan mendapati, secara purata, rakyat Malaysia memakan 502.3 miligram (mg) mikroplastik sehari per kapita berikutan lebih 50 peratus rakyat negara ini memakan ikan.

Sebelum ini, akhbar ini juga pernah menyiarkan laporan sejumlah sembilan bilion tan plastik dibuang setiap tahun dan Malaysia berada di tangga kelima di dunia dalam isu pencemaran laut yang mengancam kehidupan marin akibat pembuangan plastik.

Pada Sabtu lalu, laporan hasil laut negara berkurangan sehingga 50 peratus dalam tempoh enam dekad yang berpunca daripada pencemaran termasuk plastik dan aktiviti manusia pula disiarkan.

Dan sepanjang tahun ini dan tahun lalu, sudah beberapa kali akhbar ini menyiarkan tentang kisah botol-botol plastik dan pembungkus makanan yang dibuang ke laut tetapi kemudiannya kembali ke darat dibawa air pasang.

Begitu banyak isu pencemaran plastik yang dibawakan oleh akhbar ini dan semuanya berpunca daripada sikap kita sendiri. Setakat ini, tidak banyak yang dilakukan untuk mengatasi isu pencemaran plastik. Bukan kita semua tidak sedar tetapi kita tidak cukup ambil berat dan tidak cukup serius manakala pihak berkuasa tidak cukup tegas dan berani untuk bertindak.

Mungkin kerana kesannya tidak begitu dirasakan kini. Kalau seseorang itu terkena kanser, dia hanya akan kaitkan dengan gaya hidup dan makanan yang diambilnya sebagai punca. Dia tidak pernah mengaitkan isu pencemaran plastik terhadap penderitaan tersebut.

Sedangkan kajian menunjukkan peningkatan kes kanser dan penurunan kadar kesuburan rakyat merupakan antara kesan bahan yang mengandungi phthalate dan bisphenol A (BPA) serta polybrominated diphenyl ethers (PBDEs) yang digunakan dalam penghasilan plastik.

Statistik menunjukkan Malaysia berdepan 48,639 kes kanser baharu setiap tahun manakala kadar kesuburan pula menurun daripada 2.1 orang anak pada 2010 kepada 1.6 orang anak pada 2022.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, pencemaran plastik boleh dikurangkan sebanyak 80 peratus menjelang 2040 jika manusia bertindak mengguna semula, mengitar semula dan mengelak menggunakannya.

Langkah paling drastik yang boleh diambil ialah mengharamkan terus penggunaan plastik tetapi perlu dilakukan secara berperingkat. Di Eropah, plastik sekali guna akan diharamkan pada 2030 manakala menjelang 2040, penggunaannya dikurangkan sebanyak 15 peratus lagi.

Setakat ini, hanya Rwanda dianggap sebagai negara pertama yang bebas plastik. Negara Afrika itu tegas dalam soal tersebut sejak 2008 lagi sehinggakan sesiapa yang ditangkap dengan plastik sekali guna boleh dipenjarakan sehingga enam bulan. Pelawat ke negara itu akan diperiksa dan beg atau bungkusan plastik akan dirampas.

Jika langkah Rwanda itu dirasakan terlalu 'keras', banyak lagi contoh negara lain yang boleh kita ikut. Kanada isytihar plastik sebagai toksik dan Jerman membayar lebih RM1 untuk setiap botol plastik untuk dikitar semula manakala di Sweden, stesen kitar semula diwujudkan di setiap kawasan perumahan dengan jarak 300 meter setiap satu.

Mana satu nak ikut? Semuanya kini terserah kepada kita sendiri.

**Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan/Mingguan Malaysia**